

Persaudaraan adalah penawar krisis global

TAKHTA SUCI: Virus perang lebih sulit diatasi daripada virus yang membahayakan tubuh kita, kerana ia datang bukan dari luar diri kita, melainkan dari dalam hati manusia yang telah dirosakkan oleh dosa (Markus 7:17-23).

Rangkap ini ditulis oleh Sri Paus Fransiskus sempena Hari Damai Sedunia yang ke-56 dengan tema: Tak seorang pun dapat diselamatkan sendirian. Bersama melawan Covid-19, Bersama memulai jalan perdamaian.

Tiga tahun selepas berlalunya pandemik Covid-19, Sri Paus Fransiskus bertanya kepada kita: Apa yang kita pelajari dari pandemik? Jalan baru apa yang harus kita ikuti untuk meninggalkan kebiasaan lama kita, agar lebih siap dan berani untuk melakukan hal-hal baru?

“Tentunya, setelah mengalami langsung kerapuhan hidup kita sendiri dan dunia di sekitar kita, kita dapat mengatakan bahawa pelajaran terbesar yang kita dapatkan dari Covid-19 adalah kesadaran bahawa kita semua saling memerlukan.”

“Bahawa harta kita yang terbesar namun paling rapuh adalah kemanusiaan kita bersama sebagai saudara dan saudari, anak-anak Tuhan. Dan bahawa tidak seorang pun dari kita dapat diselamatkan sendirian. Oleh kerana itu, kita harus bersatu dalam mencari dan mempromosikan nilai-nilai universal yang dapat memandu pertumbuhan persaudaraan manusia ini.”

Racun dan penawar akibat pandemik

Sri Paus juga menulis bahawa semasa pandemik, “Kita belajar bahawa kemajuan teknologi, dan efek globalisasi boleh berubah menjadi keracunan individualistik dan banyak lagi.

“Namun demikian pandemik juga memiliki efek positifnya. Pandemi mengajak kita untuk kembali ke kerendahan hati, memikirkan eksekutifisme tertentu, dan rasa solidariti yang diperbaharui yang membuat kita lebih peduli pada penderitaan orang lain dan lebih menyahut terhadap keperluan mereka.”

Vaksin untuk membasmi peperangan

Bapa Suci meluahkan rasa sedih dan kesalnya kerana Covid-19 telah berakhir tetapi bencana baru yang mengerikan menimpa umat manusia. Prelatus itu merujuk kepada peperangan di Ukraine yang memberi kesan dahsyat kepada mereka yang tidak bersalah dan kekurangan bimbingan untuk makanan dunia serta harga bahan bakar yang melambung.

“Jelas, ini bukan era pasca-Covid yang kita harapkan atau rindukan. Perang ini, bersama dengan semua konflik lain di seluruh dunia, merupakan kemunduran bagi seluruh umat manusia, bukan hanya bagi pihak-pihak yang terlibat langsung. Vaksin untuk Covid-19 telah ditemukan, namun solusi yang sesuai untuk perang belum ditemukan!” tulis Sangti Papa dalam pesan yang diterbitkan pada Disember 16, 2022.



Sri Paus Fransiskus memeluk seorang kanak-kanak semasa audiensi bersama umat awam, beberapa ketika sebelum meletusnya pandemik Covid-19. Gambar: CNA.

Apa yang dituntut daripada kita?

Lalu apa yang dituntut daripada kita? Pertama-tama, membiarkan hati kita diubah oleh pengalaman krisis ini, membiarkan Tuhan, pada saat ini dalam sejarah, mengubah tolok-ukur kebiasaan kita untuk melihat dunia di sekitar kita.

Kita tidak dapat lagi berfikir secara eksklusif untuk mengukir ruang bagi kepentingan peribadi atau nasional kita; sebaliknya, kita harus berfikir dalam kerangka kebaikan bersama, menyedari bahawa kita adalah sebahagian daripada komuniti yang besar, dan membuka fikiran dan hati kita untuk persaudaraan manusia universal.

Kita tidak dapat terus berfokus hanya untuk menjaga

diri kita sendiri; sebaliknya, waktunya telah tiba bagi kita semua untuk berusaha menyembuhkan masyarakat dan planet kita ini, meletakkan dasar untuk dunia yang lebih adil dan damai, dan berkomitmen secara serius untuk mengejar kebaikan yang benar-benar milik bersama.

Gereja Katolik merayakan Hari Perdamaian Dunia pada Januari 1 dan membahagi-bahagikan pesan Sri Paus kepada ketua-ketua negara dan kerajaan di seluruh dunia.

Sri Paus Fransiskus juga secara peribadi memberikan salinan dari pesannya tersebut yang ditandatangani kepada para pemimpin yang berkunjung ke Vatikan sepanjang tahun. — CNA

Cahaya kecil yang mampu mengalahkan kegelapan dunia

Pada zaman apartheid di Afrika Selatan, salah satu cara orang mengungkapkan bantahan dan keyakinan mereka bahawa suatu hari nanti krisis itu akan dapat diatasi, adalah dengan menyalakan lilin dan meletakkannya di tingkap di mana ia dapat dilihat oleh sesiapa sahaja yang lalu.

Lilin yang menyala, dipaparkan secara terbuka, adalah kenyataan kenabian. Ia tidak mengambil masa yang lama untuk kerajaan bertindak balas. Meletakkan lilin yang menyala di tingkap diumumkan sebagai kesalahan jenayah, sama seperti membawa senjata api haram. Kanak-kanak turut membuat jenaka tentang hal ini. Mereka bergurau, "Kerajaan kita takut akan lilin menyala!"

Dan memang sepatutnya mereka berasa takut! Untuk menyalakan lilin atas alasan moral atau agama (sama ada untuk protes, untuk Hanukkah, untuk Adven atau untuk Krismas) adalah pernyataan iman kenabian dan, pada dasarnya, ia adalah tanda doa bersama.

Diakui, dalam cahaya berjuta-juta lampu pokok Krismas yang kita lihat di mana-mana, pernyataan iman ini sukar difahami. Mengapa kita meletakkan semua lampu ini pada Krismas?

Ada jawapan sinis yang menyatukan, lampu-lampu itu hanyalah untuk tujuan komersial semata-mata. Juga, bagi kebanyakan kita, lampu-lampu ini hanyalah persoalan estetika, warna, dan perayaan, kebanyakannya tidak mempunyai makna agama. Walau bagaimanapun, lampu-lampu ini sebenar-

nya membawa makna yang amat penting dan pesan itu tetap sama sehingga sekarang.

Mengapa kita memasang lampu-lampu pada hari Krismas? Mengapa kita menyalakan lampu berwarna-warni pada rumah dan jalan-jalan kita pada perayaan Krismas?


Memang, kita melakukannya untuk memeriahkan suasana, untuk perayaan, dan atas sebab-sebab komersial; tetapi kita juga melakukannya atas alasan yang lebih penting — ia menyatakan iman, meskipun lampu-lampu ini kecil sahaja tetapi ia membawa kenyataan mulia bahawa Kristus telah menang dan cahaya-Nya menakluki kegelapan buat selama-lamanya.

"Cahaya bersinar dalam kegelapan, dan kegelapan tidak dapat mengatasinya."

Lampu-lampu Krismas kita, sesungguhnya adalah ungkapan iman dan pada dasarnya salah satu bentuk doa awam. Walau bagaimanapun, kita mungkin masih tertanya-tanya. Apa perbezaan yang dapat dibuat oleh lampu-lampu itu?

Memasang lampu sebagai simbol iman boleh dikatakan perkara yang naif atau tidak membawa apa-apa perubahan dalam melawan kegelapan atau kejahatan di dunia kita.

Lebih-lebih lagi, apabila kita melihat dunia kita sekarang, kita melihat berjuta-juta orang menderita akibat perang, berjuta-juta orang menjadi pelarian di sempadan sempadan di seluruh dunia, dan



beratus-ratus juta orang mengalami kekurangan makanan.

Kita juga tahu, terdapat beribu-ribu orang setiap hari mati akibat keganasan rumah tangga, keganasan dadah, dan keganasan gangster. Ini belum lagi dengan kes-kes ketegangan di mana-mana sama ada dalam kerajaan kita, gereja-gereja kita, kawasan kejiranan kita, dan di kalangan keluarga kita, kita mungkin bertanya kepada diri sendiri, apa perbezaan rentetan lampu kecil atau makna semua lampu Krismas di dunia — apa yang mampu dilakukan oleh lampu-lampu kecil ini?

Mari kita hayati mendiang Yesuit Michael Buckley yang mengatakan, "doa sangat diperlukan, lebih-lebih lagi apabila ia dianggap paling tidak berguna."

Kita harus berpegang pada kata-kata ini. Menyedari magnitud masalah dunia kita, dengan memandang magnitud kegelapan yang mengancam kita, sekarang lebih dari sebelumnya, adalah penting bahawa kita menyatakan iman kita secara terbuka, sebagai doa.

Sekarang ini, amat penting bagi kita menunjukkan secara terbuka

bahawa kita masih percaya kepada karya-karya iman, bahawa kita masih percaya kepada kuasa doa, dan kita masih percaya bahawa, dalam Kristus, kuasa kegelapan telah selama-lamanya dikalahkan.

John Shea mengungkapkan hal ini dengan indah dalam puisinya yang ditulis sempena Krismas tahun ini.

Pokok Krismas kita ada sesuatu yang mahu diungkapkan kepada kita,

Kegelapan yang lebih besar pada bulan Disember boleh membawa musibah dan menguatkan apa yang menimpa kita.

Pokok Krismas kita mohon untuk bicara.

Dahan-dahannya dan daun-daunnya, digantung dengan cahaya.

Terangnya itu sangat menyerlah. Kita mahukan dunia

yang sempurna.

Tetapi itu tidak selalunya kita capai.

Kita mungkin mengalami bencana cuaca; pandemik; ancaman kesihatan; kerja yang terlalu tertekan, penyelewengan kewangan, pergumulan dalam perhubungan dan masyarakat serta dunia yang mempunyai sedikit kewarasan atau terlalu gila.

Pokok Krismas kita bersinar. Lampu mereka berbisik; "Berikan semua perkara yang menimpa anda, tetapi jangan berikan mereka jiwa anda.

Anda lebih penting daripada kegelapan di sekelilingnya.

Semasa pergumulan menentang dasar apartheid di Afrika Selatan, Uskup Agung Desmond Tutu kadang-kadang berhadapan dengan anggota tentera yang masuk ke gerejanya semasa beliau berkhotbah, di mana para askar itu mengajukan senjata mereka untuk menakutkan-kutkannya.

Namun, Uskup Agung itu hanya tersenyum kepada mereka dan berkata, "Saya gembira anda telah datang untuk menyertai pihak yang menang!"

Dengan mengatakan ini, prelatus itu tidak bercakap mengenai perjuangan apartheid; sebaliknya dia bercakap tentang kemenangan selama-lamanya yang dimenangi oleh Kristus untuk kita.

Apa yang penting ialah, dari semua pertempuran penting, iman telah meletakkan kita di pihak yang menang. Inilah makna dan ungkapan lampu-lampu Krismas kita, meskipun kita selalunya tidak sedar akan hal ini.

Karl Rahner pernah menulis bahawa, pada hari Krismas, Tuhan memberi kita izin suci untuk bahagia.

Krismas juga memberi jaminan kepada kita bahawa kita mempunyai alasan yang lebih daripada mencukupi untuk bahagia, tanpa mengira apa yang mungkin masih berlaku dalam kehidupan kita dan di dunia kita.

Kita boleh menang walau apa pun perkara yang cuba menjatuhkan kita. Lampu Krismas kita mengingatkan kita akan kemenangan ini. — **Hakcipta Terpelihara 1999-2023 @ Fr Ron Rolheiser**

Menjadi protagonis dalam hal-hal kebenaran

Bila cerita Injil hari ini yang sederhana itu kita baca dengan baik, ternyata ada tiga reaksi yang sangat berbeza terhadap berita tentang kelahiran Yesus, yaitu dari tiga pihak ini: Raja Herodes, orang-orang majus, dan imam-imam kepala dan ahli-ahli Taurat. Reaksi yang pertama ialah dari Herodes. Dia sangat terkejut ketika mendengar berita tentang lahirnya seorang raja. Dia langsung mengumpulkan imam-imam kepala dan ahli Taurat, bukan untuk mencari kebenaran-nya, sebaliknya mahu menyingkirkan raja baru itu.

Herodes yakin bahawa dialah raja terbaik dan pemerintahannya adalah benar.

Maka dia berasa harus mempertahankan kedudukannya. Perintahnya untuk membunuh bayi lelaki di bawah dua tahun, dianggapnya sah dan tidak salah.

Sesungguhnya, pandangan dan sikap pemimpin dan orang-orang penting seperti Herodes — masih wujud dan ramai sekarang ini.

Reaksi kedua ialah para imam kepala dan ahli Taurat.

Ketika ditanya oleh Herodes, mereka tahu di mana Almasih akan dilahirkan.

Mereka juga sebenarnya dapatewartakan hal kelahiran Almasih kepada orang-orang lain.

Namun mereka tidak berbuat apa-apa. Mereka tidak mahu pergi ke Betlehem, padahal sebenarnya mereka seharusnya ke Betlehem, untuk menyambut Almasih tetapi tetap enak-enak tinggal di Yerusalem!

Mereka ini ibaratnya menyerupai tanda-tanda atau petunjuk-petunjuk jalan, berfungsi menunjukkan jalan yang harus ditempuh tetapi hanya dengan tetap berdiri dan tidak bergerak!

Akhirnya reaksi ketiga ialah reaksi orang-orang majus.

Dengan bahasa moden mereka itu termasuk orang-orang yang disebut "protagonis", iaitu penyokong, pendorong dan pelaku utama terhadap hal-hal yang benar dan harus dilakukan. Mereka itu tidak mengajar dengan kata-kata, melainkan dengan perbuatan atau tindakan, bukan dengan mengatakan tetapi

melakukan.

Mereka itu tidak menunda-nunda, mempertimbangkan panjang lebar, tunggu-tunggu apalagi ragu-ragu.

Keberanian dan kesediaan mengambil keputusan dan melaksanakannya — itulah pesan orang-orang majus kepada kita. Jangan mengakui Yesus Kristus sebagai Almasih selagi masih ragu tetapi setelah menerima dan mengakui Dia sebagai Penyelamat, kita secara konsisten harus mahu dan berani selalu datang kepada-Nya, dan bersedia serta berani berbuat apapun seperti telah dilakukan-Nya.

Injil mengatakan orang majus tidak pulang melalui jalan yang ditempuh sebelumnya, melainkan melalui jalan lain.

Apa ertinya 'melalui jalan lain'? Ertinya, perubahan atau pergantian corak dan sifat hidup setiap orang, harus mengubah atau mengganti pula arah dan sifat jalan hidupnya juga!

Pertemuan kita dengan Yesus, yang mulai dari di Betlehem dan akan berakhir sampai ke Golgota,

HARI RAYA PENAMPAKAN TUHAN (A)

YESAYA 60:1-6

EFESUS 3:2-3A.5-6

INJIL MATIUS 2:1-12

harus mampu pula mengubah habitus-habitus peribadi kita, yang tidak searah dengan jalan yang ditempuh oleh Yesus.

Apa yang dialami oleh ketiga-tiga orang Majus yang diceritakan dalam Injil Matius hari ini ialah kegembiraan sejati.

Mereka merasa sungguh menemukan Penyelamat yang sebenarnya. Mereka menemukan Penyelamat mereka di Betlehem, dalam keadaan sangat sederhana.

Kita yang hidup sekarang ini, yang makin maju, diajak untuk sering mahu melihat ke atas untuk melihat bintang yang harus menunjukkan jalan, yang harus kita tempuh, apabila kita mahu sungguh menjadi kristiani, menjadi pengikut Kristus sejati.

Kita harus berani menempuh jalan hidup yang lain daripada yang masih kita miliki dan kita tempuh!

Seperti ketiga-tiga orang Majus, kita harus berani untuk tidak mendekati dan mengikuti tawaran Raja Herodes, yang mahu menyingkirkan Yesus, sebaliknya berani memilih jalan yang ditunjukkan oleh bintang menuju keselamatan yang telah ditemui di Betlehem.

Jalan itu memang jauh, sempit dan berat, namun benar dan pasti! Raja kita bukan Herodes yang memperkenalkan diri di Yerusalem, melainkan Yesus yang menampakkan diri di Betlehem! — **Msgr. F.X. Hadisumarta O. Carm**

KSFX anjur *Christmas Carol* dalam lapan bahasa kali kedua

KENINGAU: Paroki Katedral St Francis Xavier (KSFX) sekali lagi telah menganjurkan Christmas Carol 2022 dalam lapan bahasa secara langsung melalui KekitaanFM pada Disember 23, 2022.

Acara ini dihoskan oleh Sdra Roney Em-ing dengan hampir 300 viewers.

Lima kerasulan atau komuniti KSFX terlibat yang telah membawakan lagu-lagu dalam lapan bahasa iaitu bahasa Malaysia, bahasa Inggeris, KadazanDusun, Murut, Cina, Toraja, Filipin dan Timor dinyanyikan oleh Kerasulan Belia Katolik KSFX, *Philippino Pastoral Community*, Komuniti Cina, Komuniti Toraja dan Komuniti Timorese.

Uskup Cornelius Piong turut menyampaikannya sempena Christmas Carol dalam lapan bahasa tersebut.

“Kita bersyukur kerana setiap tahun kita dapat merayakan Krismas. Sebagai murid-murid Yesus, apakah maksud Krismas yang kita rayakan?”



KBK KSFX, salah satu kumpulan karol bergambar selepas persembahan secara live Christmas Carol 2022 di Studio KekitaanFM.

Adakah perayaan Krismas sama seperti perayaan-perayaan lain? Sudah tentu tidak. Krismas adalah perayaan besar yang lain

daripada yang lain kerana Krismas adalah ungkapan cinta kasih Tuhan seperti yang ditulis oleh Injil Yohanes 3:6, ‘Kerana

begitu besar kasih Tuhan akan dunia ini, sehingga Dia telah mengaruniakan Anak-Nya yang tunggal, supaya setiap orang yang percaya kepada-Nya tidak binasa, melainkan beroleh hidup yang kekal’.

Prelatus itu menekankan bahawa Krismas adalah bersumber kepada cinta kasih Tuhan bagi kita umat manusia yang memerlukan penyelamatan dari kekuasaan dosa.

Oleh itu, Bapa Uskup sekali lagi mengingatkan bahawa tujuan perayaan Krismas seharusnya tidak bersifat ‘datang dan pergi’ sebaliknya sungguh-sungguh dihayati kerana Tuhan datang ke dunia dalam diri Yesus, Putera-Nya (Yoh 3:16) yang adalah Imanuel (Mat 1:23).

Pada akhir ucapannya, Uskup Cornelius berharap agar umat beriman merayakan Krismas, bukan sebagai perayaan biasa semata-mata, tetapi sebuah peristiwa agung yang sungguh-sungguh dihayati serta menguasai hidup kita sehari-hari.

Persatuan Peguam Katolik rai Krismas bersama migran dan Orang Asli

SEMENYIH: Persatuan Peguam Katolik (CLS) pada Disember 17 lalu telah berkunjung ke Kilang Papan, Sg. Lalang, Semenyih, untuk berkongsi sukacita Krismas bersama para migran dan masyarakat Orang Asli.

Para sukarelawan yang terpaksa menghadapi perjalanan sukar akibat jalan tidak berturap dan lumpur, berasa lega dan tersentuh apabila disambut gembira oleh kaum migran dan Orang Asli.

Majlis Krismas itu dimulakan dengan Misa Kudus yang dipimpin oleh Fr. Nicholas Hoh, OCD dalam Bahasa Malaysia.

Selepas Misa, semua komuniti ini bergabung untuk perayaan Krismas dengan makanan lazat.

Presiden Persatuan Peguam Katolik, En-

cik Godfrey Fernandez dan Fr. Nicholas Hoh seterusnya menyerahkan 35 beg berisi barangan keperluan (ditaja oleh Persatuan Peguam Katolik) kepada komuniti Orang Asli dan migran.

Kanak-kanak gembira menerima hadiah awal Krismas mereka seperti alat tulis dan manisan. Selepas acara penyerahan hadiah dan barangan keperluan, ia diteruskan dengan karoling serta permainan menarik untuk kanak-kanak.

Secara keseluruhannya, CLS gembira kerana dapat menganjurkan acara ini kerana mereka mendapat sokongan padu daripada sukarelawan dan semangat kerjasama yang tinggi dalam memastikan majlis itu berjalan lancar serta memberi makna kepada yang diraikan.



Tanya Jawab



Adakah anda mempunyai persoalan agama, Kitab Suci atau ajaran Gereja?

Hantarkan soalan anda ke:

HERALD
5, Jalan Robertson,
50150 Kuala Lumpur

Tel: 03-2026 8291

Email:
liza@herald.com.my

Adakah segala sesuatu telah ditentukan oleh Tuhan?

Soalan: Benarkah segala sesuatu yang terjadi pasti kehendak Tuhan? (ertinya telah ditentukan Tuhan). Bagaimana cara kita membezakan mana yang kehendak Tuhan dan mana yang bukan?

Semasa berdoa di Taman Getsemani, Yesus mengatakan, “...Janganlah seperti yang Ku kehendaki, melainkan seperti yang Engkau kehendaki” (Mat. 26:39). Ungkapan tersebut menunjukkan adanya pergelutan dalam kemanusiaan Yesus, betapa pun demikian Dia memilih kehendak Tuhan, kenyataan Ilahi dalam diri-Nya.

Pergelutan seperti itu dialami oleh setiap orang, sebagaimana Paulus menggambarkan bahawa seringkali bukan apa yang diharapkan yang dibuat, melainkan apa yang tidak dikehendaki (Lih. Roma 7:15-19). Dalam diri kita ada duri dalam diri kita, sehingga kita sering menuruti kehendak daging (Lih. 2 Kor. 12:7; Ef 2:3), bagaikan lalang di tengah gandum (Lih. Mat. 13:24-30).

Memang tidak mudah sentiasa dapat membezakan kehendak Tuhan dengan kehendak diri. Ini adalah pergelutan diri kita seumur hidup. Selalunya kita lebih mengikuti kehendak diri, kepentingan dan cinta diri kita. Dalam diri kita, ungkap Paulus, memang ada sahaja yang tidak baik (Lih. Roma 7:18). Semua itu akibat dari kedosaan diri kita, sebagai kenyataan dari misteri kerapuhan diri kita, sesuatu yang melekat pada

diri kita. Betapapun manusia adalah citra Tuhan, diciptakan menurut gambar dan rupa Tuhan (Lih. Kej. 1:27), namun rahmat kebebasan yang dianugerahkan Tuhan menjadikan kita menyalahgunakan kebebasan tersebut. Manusia menggunakan kebebasannya secara buruk.

Di dalam sejarah Gereja, pernah ada perdebatan tentang predestinasi, yang percaya bahawa segalanya telah diatur serta dikehendaki oleh Tuhan.

Perdebatan soal ini berlangsung lama, sejak awal keberadaan Gereja. Santo Augustinus cukup banyak berbicara tentang perkara ini, dan memberi pengaruh dalam ajaran Gereja akan hal ini.

Katekismus Gereja Katolik kemudian menggambarkan demikian, “Kalau Dia telah ‘menentukan’ sesuatu sebelumnya dalam rencananya yang abadi, Dia turut memperhitungkan juga jawaban setiap orang atas rahmat-Nya” (KGK 600).

Kehendak Tuhan adalah keselamatan, agar setiap orang memperoleh kehidupan kekal (Lih. Yoh. 6:39-40). Yang sejak semula ditentukan Tuhan adalah untuk menjadi serupa dengan gambaran Putera-Nya, dan itu merupakan jalan pemulihan (Lih. Roma 8:29-30).

Dari sini kita dapat membayangkan bahawa Tuhan tidak menghendaki celaka, apalagi kehancuran. Kerana itulah, kita perlu senantiasa diperdamaikan dengan Kristus, diperbaharui oleh-Nya,

agar martabat hidup kita dipulihkan. Tuhan menghendaki keselamatan bagi semua. Namun kerana kita hidup dalam dunia yang rapuh, peribadi yang retak, maka kita perlu menjaganya agar tidak jatuh dan patah (Lih. 2 Kor. 4:7). Kisah pengkhianatan Yudas dapat kita gunakan sebagai contoh, Tuhan memberi kesempatan, namun dia menyalahkannya, memilih pergi daripada-Nya. Tuhan mempersilakan dia menjalankan rencananya sendiri (Lih. Yoh. 13:27).

Kita hidup dalam bumi yang mudah retak, mudah rosak, dan tidak kebal terhadap bencana, maka tugas kita adalah untuk menghindari, meminimalkan kesan kerosakan atau kurban darinya. Dengan itulah kita menggunakan kebebasan serta akal budi kita secara benar dan bertanggungjawab. Melemparkan semuanya kepada kehendak Tuhan, adalah sikap yang mahu lari dari tanggungjawab dan tidak matang dalam iman.

Menegaskan mana kehendak Tuhan, bukan persoalan mudah. Dengan mendalami sungguh Kitab Suci dan ajaran Gereja, ia dapat membantu kita mengerti kehendak Tuhan, dan mewaspadai setiap kehendak dan kepentingan diri. Paulus juga membantu kita dengan kriteria menilai apa yang mendorong sikap dan tindakan kita, dari Roh atau dari kedagingan (Lih. Gal. 5:16-26; Rom. 8:1-17). Buah nyata dari kehendak Tuhan, akhirnya adalah kasih (Lih. Yoh. 15:1-17; 1 Yoh. 4:7-21). — **Fr T. Krispurwana Cahyadi, SJ, hidupkatolik.com**

Sahabat kecil Yesus

Hello adik-adik,

Selamat Tahun Baru 2023 dan selamat menyambut Hari Raya Penampakan Tuhan.

Tahukah adik-adik, bahawa Yesus sentiasa hadir di tengah-tengah kita.

Namun masih ramai yang tidak dapat melihat atau merasai kehad-

iran Yesus.

2,000 tahun yang lalu, tiga orang Majus dari Timur berusaha untuk melihat Mesias. Mereka melihat bintang-Nya dari Timur. Mereka mencari-cari Mesias itu hingga ke Yerusalem.

Kemudian, selepas bertemu dengan raja Herodes, bintang itu muncul dan memimpin mereka sehingga

ke Betlehem, di tempat Yesus dilahirkan.

Para Majus itu sangat bersukacita dan sujud menyembah dia.

Melalui mimpi, para Majus ini tidak kembali kepada raja Herodes yang berniat jahat terhadap Yesus. Mereka mengambil jalan lain untuk pulang ke negara mereka.


Adik-adik, selepas bertemu

Yesus, para Majus ini bukan sahaja gembira tetapi mereka dilindungi dan dijaga oleh Tuhan.

Adik-adik, marilah berdoa kepada Roh Kudus, mohon bantuan-Nya agar kita sentiasa dapat melihat Yesus melalui mata iman kita. Amen.

Antie Melly

Mereka melihat Anak itu dengan Maria, lalu sujud menyembah Dia (Mat 2:10). Cari LAPAN perbezaan pada gambar di bawah.



Tiga orang Majus dari Timur mahu bertemu dengan bayi Yesus untuk menyembah Dia. Bantu mereka mencari jalan.




Orang-orang Majus itu membawa tiga persembahan untuk Anak Yesus (Mat 2:11). Bulatkan jawapan yang betul.

minyak
wangi
gangsa
mur
emas
teddy bear
coklat
botol susu
kemenyan



Mari lengkapkan gambar di bawah. Gunting gambar kecil (1-5) dan lekatkan pada gambar A. Lakukan aktiviti ini bersama rakan atau keluarga.



BELIA MILENIUM



Belia CDM jalani retreat 'tajamkan' akal

SAH ALAM: Kerasulan Belia Gereja Kerahiman Ilahi (CDM) telah menganjurkan kem bertemakan *Iron Sharpens Iron* di Pusat Belia Champagnat, Port Dickson pada Disember 2 hingga 4 lalu.

Seramai 63 belia yang menghadiri kem itu berpeluang menjalin persahabatan baru, mempelajari lebih lanjut tentang diri mereka dan Tuhan, dan belajar kepimpinan dalam pelayanan belia.

Pada Disember 2, para peserta kem berkumpul di CDM untuk pendaftaran. Setelah Misa dan makan tengah hari, mereka bertolak ke Port Dickson.

Setibanya di sana, para peserta diberi taklimat mengenai objektif kem, peraturan sepanjang kem dan mengenali ahli-ahli jawatankuasa penganjur dan para penyampai sesi.

Rasa teruja di kalangan peserta apabila mereka diberitahu mereka akan diiringi 'malaikat-malaikat' yang membantu mereka secara rahsia. Ia begitu misteri dan menambah keseronokan kem untuk meneka siapa malaikat tersebut.

Para peserta dibahagikan kepada lima pasukan: *Be Brave*, *Fantastic 4*, *Flames for Christ (FFC)*, *Pakatan Kudus*, dan *Jerusalem*.

Aktiviti pembinaan pasukan yang pertama adalah untuk mencipta bendera pasukan dan sorakan pasukan menjadikan sesi ini riuh rendah dan bersaing secara sihat bagi mendapatkan mata.

Alfred Netto, penceramah pertama menyampaikan sesi bertajuk "Persepsi."



Para peserta dibahagikan kepada tiga kumpulan untuk membina menara spaghetti yang boleh menyokong tiga biji marshmallow. Alfred menjelaskan bahawa marshmallow melambangkan dosa-dosa kita dan bagaimana dosa itu menjadi batu penghalang, menjadikan "menara iman" kita berat dan tidak stabil. Ini adalah seruan untuk bertaubat dan menyingkirkan perkara-perkara yang menghalang kita daripada membina iman kita.

Aktiviti kedua melibatkan melekat sekeping kertas di belakang setiap orang dan, semua orang perlu menulis persepsi mereka terhadap orang itu di atas kertas. Ia adalah sesi interaktif yang mengundang tawa.

Alfred menjelaskan bahawa Sistem Pengaktifan Reticular (RAS) membentuk persepsi kita, yang dipengaruhi oleh beberapa faktor dalaman dan luaran. Sesi ini sebenarnya mengajak para peserta untuk memikirkan persepsi mereka tentang Tuhan, keluarga, dan diri sendiri, dan untuk

merenung apakah persepsi mereka benar.

Pada hari kedua, para peserta mendalami makna perselisihan faham dan pelbagai bentuknya oleh Christine Maryanna. Para belia belajar bagaimana yang lain mempengaruhi kita dan juga hubungan kita dengan orang lain. Berbekalkan maklumat ini, kumpulan-kumpulan itu mencipta skit dan aktiviti bagi memahami topik ini dengan lebih baik.

Belia kemudiannya menghabiskan sepanjang petang bermain pelbagai permainan di pantai dan mengeratkan persahabatan sesama mereka.

Sesi ketiga yang diketuai oleh Reuben Chen bertajuk, "My Lifeline" mengundang para peserta memikirkan tiga keputusan terbaik yang pernah mereka ambil, tiga pencapaian atau momen paling membanggakan mereka, dan tiga detik paling sukar dalam hidup mereka.

Beliau mengingatkan kaum muda untuk merenungkan bagaimana Tuhan hadir pada saat-saat itu. Para belia berkumpul

secara berkumpulan dan berkongsi cerita mereka sebelum sesi berakhir dengan makan malam secara hening.

Para peserta kemudiannya dipimpin dalam doa malam, meluangkan waktu hening untuk menulis kepada Tuhan.

Pada masa yang sama, Fr Michel Dass mendengar pengakuan. Malam diakhiri dengan sesi Puji dan Penyembahan yang diketuai oleh Pelajar Universiti Katolik (CVS) dari Malaysia Timur.

Dalam sesi terakhir, ia memberi tumpuan terhadap pelayanan belia Paroki dan bagaimana bergerak ke hadapan.

Tiga keinginan utama para belia ini ialah kepimpinan yang baik dan mampan dengan yang golongan lebih dewasa, lebih banyak aktiviti berpasukan dan ruang selamat bagi semua orang.

Perayaan Misa Kudus mengakhiri kem tersebut 'Malaikat' Hujung Minggu telah didedahkan dan semangat belia juga bertambah segar serta bersungguh-sungguh untuk memulakan pelayanan.

Bengkel kurangi plastik di St Patrick, Membakut

MEMBAKUT: "Kita harus menghargai alam sekitar kerana kita adalah sebahagian daripadanya."

Demikianlah di antara kata-kata ucapan Pengerusi Komiti Caritas Paroki St. Patrick Membakut, Sdri Patricia Bai ketika memulakan program *Christmas Less Plastic Children Workshop* pada Disember 17, 2022.

Program ini merupakan sebuah projek komuniti anjuran bersama Caritas Paroki St. Patrick Membakut dan Komiti Alam Ciptaan Tuhan dengan kerjasama beberapa penduduk daerah Membakut yang memberi sumbangan untuk membiayai program tersebut.

Program ini terbuka kepada semua kanak-kanak di daerah kecil Membakut yang berusia 12 tahun dan ke bawah tidak kira bangsa dan agama.

"Tujuan utama program ini adalah untuk mengongsikan keperihatinan



50 orang kanak-kanak dari pelbagai bangsa dan agama menyertai program *Christmas Less Plastic Children Workshop* pada Disember 17, 2022 di Paroki Membakut.

gereja terhadap isu alam sekitar, Yahut seruan *Laudato Si'* dan bagaimana gereja juga dapat bekerjasama dengan masyarakat tempatan untuk

melakukan sesuatu mengenai perkara ini dan pada masa yang sama mendidik generasi muda menghargai alam." kata Patricia yang juga merupakan Pengarah

Caritas Keuskupan Keningau.

Seramai 50 orang kanak-kanak dan 25 orang sukarelawan Caritas dari pelbagai bangsa dan agama telah menyertai program ini dengan mengikuti ceramah yang bertajuk "Kesan penggunaan barangan plastik sekali pakai kepada alam sekitar" yang telah disampaikan oleh Pengerusi Komiti Alam Ciptaan Tuhan Keuskupan Keningau, Sdri Lissa Johannes.

Peserta kemudiannya diajak untuk membuat poster bertemakan menyayangi alam sekitar dan kemudiannya mencipta barangan perhiasan Krismas menggunakan bahan kitar semula seperti botol plastik, bakul plastik dan kertas.

Program pada hari tersebut diakhiri dengan penyerahan sijil penyertaan kepada semua peserta. — **KOMSOS St Patrick Membakut**

PESAN URBI ET ORBI SRI PAUS FRANSISKUS

Semoga Putera Damai akhiri peperangan dan konflik

ROMA: Dengan kelahiran Yesus, Tuhan menjadi manusia untuk berbhagi suka dan duka, harapan dan ketakutan semua orang, terutama orang miskin dan mereka yang hidup sehari-hari di tengah-tengah situasi berbahaya, kata Sri Paus Fransiskus dalam pesan Natalnya.

“Dia datang sebagai bayi yang tak berdaya. Dia lahir di malam yang dingin, miskin di antara orang miskin. Sungguh Dia memerlukan segala-galanya, Dia mengetuk pintu hati kita untuk menemukan kehangatan dan perlindungan,” kata Sri Paus pada Disember 25, dalam berkat “urbi et orbi” (untuk kota dan dunia).

Puluhan ribu orang berkum-



pul di Dataran Santo Petrus di mana Bapa Suci mengajak mereka agar tidak memperhatikan hadiah sebaliknya lebih banyak berdoa, terutama untuk Ukraine

dan tempat-tempat lain di mana perang dan konflik menghalang pewartaan para malaikat tentang “perdamaian di bumi.”

“Marilah kita tinggalkan rona

dan hiruk pikuk yang memetakan hati kita, yang membuat kita menghabiskan lebih banyak waktu dalam mempersiapkan dekorasi dan hadiah daripada merenungkan peristiwa besar: Putera Tuhan lahir untuk kita,” kata Sri Paus Fransiskus.

“Saudara dan saudari,” katanya kepada mereka, “marilah kita mengalihkan pandangan kita ke Betlehem dan mendengarkan tangisan pertama dari Raja Damai. Kerana Yesus adalah damai sejahtera kita.”

Inkarnasi, sengsara, kematian dan kebangkitan Yesus “membuka jalan dari dunia yang tertutup dan tertindas oleh bayang-bayang gelap permusuhan dan

perang, ke dunia yang terbuka dan bebas untuk hidup dalam persaudaraan dan perdamaian,” kata Sri Paus.

Untuk mengikuti jalan damai Yesus, katanya, “kita harus melepaskan diri dari beban yang membebani kita dan menghalangi jalan kita,” hambatan yang sama yang mencegah Raja Herodes menyambut kelahiran Yesus: “keterikatan pada kekuasaan dan uang, kesombongan, kemunafikan, dan kepalsuan.”

Dalam pesan Natal ke-10 sebagai Sri Paus, Fransiskus mengajak semua umat agar mendoakan Ukraine, di Syria, Yaman, Myanmar, dan di seluruh wilayah Sahel di Afrika. — *media Vatikan*

Datuk Bandar Islam puji pameran 100 Kandang Natal di Bogor



BOGOR, Indonesia: Paroki Katedral Bogor telah memulakan pameran dan pertandingan 100 palungan Yesus (Kandang Natal) yang pertama di Indonesia setelah pandemik Covid-19.

Acara pameran ini berlangsung selama 17 hari dari Disember 23 hingga Januari 8 di Katedral Beatae Mariae Virginis, Bogor, Jawa Barat, kata seorang pegawai Gereja.

Acara tersebut mengambil inspirasi dari ajakan Sri Paus Fransiskus untuk menjaga tradisi suci Gereja Katolik seperti yang ditekankan dalam Surat Apostolik *Signum Admirabile* (Tanda yang Menakjubkan) tahun 2019 tentang Makna dan Pentingnya Kandang Natal, kata Fr Alfonsus Sombolinggi, koordinator pameran itu.

Bapa Suci mengatakan “ketika kita merenungkan Kandang Natal, kita dipanggil untuk merenungkan tanggung jawab setiap orang Kristian untuk menyebarkan Injil” dan “kita semua dipanggil untuk membawa khabar gembira kepada semua orang, bersaksi melalui karya-karya praktis kita dari belas kasihan kepada sukacita untuk mengenal Yesus dan kasih-Nya.”

Fr Sombolinggi menambah,

“Kami ingin keluarga-keluarga Katolik melihat momen Natal ini sebagai harta karun bagi anak-anak mereka untuk lebih memahami kelahiran Yesus. Kami juga ingin menjadikan Natal ini sebagai momen spesial bagi mereka,” kata imam itu.

“Betapa indahnya melihat mereka datang ke pameran ini bersama-sama. Betapa indahnya melihat mereka semua menikmati sukacita Natal bersama.”

Pameran ini merupakan yang pertama di Indonesia dan terbuka untuk umum, ujarnya, seraya menambah “Pameran ini juga terbuka untuk para penganut dari semua agama termasuk datuk bandar Bogor yang beragama Islam,” ujarnya.

Datuk Banda Bogor, Bima Arya Sugiarto memuji acara pameran tersebut.

“Yesus menunjukkan nilai universal kepada dunia. Bagi saya, setiap agama memiliki nilai yang demikian, iaitu nilai kesederhanaan. Pada pendapat saya, pameran ini membawa kembali sikap kesederhanaan yang sedang mengalami degradasi,” kata Sugiarto, seorang Muslim, kepada *UCA News*.

Surat pengunduran diri Bapa Suci merupakan tradisi moden

TAKHTA SUCI: Sri Paus Fransiskus mengatakan beliau telah menandatangani surat pengunduran diri jika kesihatan fizikalnya menghalang tugasnya sebagai Sangti Papa.

Dalam wawancara dengan akhbar Sepanyol *ABC*, Sri Paus berusia 86 tahun itu mengatakan Sri Paus Paulus VI juga pernah menulis surat serupa.

Semasa majlis penganugerahan gelar Orang Kudus Yohanes Paulus II, tahun 2010 Msgr. Slawomir Oder menerbitkan surat-surat yang disiapkan oleh Sri Paus itu pada tahun 1989 dan tahun 1994

tentang pengunduran dirinya jika beliau menderita penyakit yang tidak dapat disembuhkan atau situasi lain yang akan menghalangi pelayanannya sebagai Sri Paus.

Namun, kedua-dua mereka, Sri Paus Paulus VI dan Yohanes Paulus II, terus melayani sebagai Bapa Suci hingga mereka wafat.

Hukum Kanonik menyatakan seorang Sri Paus dapat mengundurkan diri, tetapi menetapkan pengunduran diri kepausan harus “dinyatakan secara bebas” — lebih-lebih lagi apabila keadaan fizikal mereka sudah mampu melayani.

Meskipun Sri Paus Benediktus

XVI jelas tidak mengalami keadaan fizikal yang memburuk ketika tahun 2013, beliau menjadi Bapa Suci pertama dalam hampir 600 tahun yang mengundurkan diri, bahkan pengumumannya menimbulkan keraguan dan pertanyaan di benak banyak umat Katolik.

Hukum Gereja tidak menetapkan formula untuk pengumuman semacam itu. Surat itu hanya berbunyi: “Jika Paus Roma mengundurkan diri dari jabatannya, demi keabsahannya diperlukan bahawa pengunduran diri itu dilakukan dengan bebas.” — *media Vatikan*

Sangti Papa perbaharui keinginan untuk perdamaian dunia yang dilanda perang

VATIKAN: Pada Pesta Santo Stefanus, Disember 26, Sri Paus Fransiskus membaharui seruannya untuk perdamaian di dunia, terutama mereka yang menderita akibat perang yang menghancurkan di Ukraine.

Berbicara kepada umat beriman yang berhimpun di Dataran Sto Petrus, Bapa Suci berkata, “Saya membaharui keinginan saya untuk perdamaian: perdamaian dalam keluarga, perdamaian di paroki dan komuniti agama, perdamaian dalam gerakan dan asosiasi, perdamaian bagi orang-orang yang dilanda perang, perdamaian untuk Ukraine yang tersayang dan martir.”

Memperhatikan jumlah bendera Ukraine yang ada di jalan-jalan, Sri Paus meminta perdamaian bagi “para martir” di negara yang dilanda perang itu.

Pesan kelahiran Tuhan sebagai “Putera Damai” ditekankan dalam Bapa Suci “*Urbi et Orbi*” pada Dis-



Para wanita Ukraine menyalakan lilin sebagai tanda harapan dan doa agar perang segera berakhir.

ember 25, di mana Sri Paus sekali lagi berbicara tentang perlunya perdamaian di dunia yang menderita akibat perang dan konflik.

Akibat perang Rusia-Ukraine, pengeluar utama bijirin bagi dunia terjejas, membuat seluruh negara terancam kelaparan.

Mereka yang secara khusus terkena kesan peperangan adalah kanak-kanak yang menderita kelaparan, ketinggalan pelajaran,

kehilangan tempat bergantung, penyakit dan banyak lagi.

Hanya dengan menanggapi situasi ini dengan murah hati, dengan altruisme yang diilhami oleh kasih Tuhan yang tak terbatas dan penuh belas kasihan, kita akan dapat membangun dunia baru dan berkontribusi pada perluasan kerajaannya, yaitu kerajaan cinta, keadilan, dan perdamaian.” — *media Vatikan*

KATEKESIS BERSAMA SRI PAUS FRANSISKUS

Tuhan tawarkan banyak cara hadapi pergumulan

TAKHTA SUCI: Sebagai umat beriman, mereka tidak perlu takut akan rintangan, pergumulan dan pilihan hidup karena Tuhan selalu dekat, menawarkan kasih dan bimbingan-Nya, kata Paus Fransiskus.

“Kita sering memiliki pandangan yang menyimpang tentang Tuhan, menganggapnya sebagai hakim yang keras, siap menangkap kita,” kata Sri Paus pada Disember 21 lalu semasa audiensi setiap hari Rabu bersama para penziarah.

“Sebaliknya, Yesus memanifestasi Tuhan yang penuh kasih sayang dan kelembutan bagi kita, siap mengorbankan diri-Nya sendiri agar Dia dapat datang kepada kita,” kata Bapa Suci kepada para pengunjung di Dewan Paulus VI.

Prosesnya mungkin kelihatan rumit, katanya, tetapi “kenyataannya, hiduplah yang rumit dan, jika kita tidak belajar memahaminya, kerumitan itu akan berisiko menyia-nyiakan hidup kita, dan berakhir mengecewakan kita.”

Namun, orang “tidak perlu takut,” katanya, kerana Tuhan menawarkan banyak “bantuan” untuk membantu manusia dalam proses ini.

Ketajaman dan penelitian (*discernment*) amat diperlukan, katanya, kerana “hidup selalu menghadirkan pilihan bagi kita, dan jika kita tidak membuat pilihan, pada akhirnya hiduplah yang memilih kita, membawa kita ke tempat yang tidak kita inginkan.”

“Tujuan *discernment* adalah mengenali keselamatan yang Tuhan kerjakan dalam hidup saya,” katanya.

“Ia mengingatkan saya bahawa saya tidak pernah sendiri dan, jika saya berjuang, itu berarti taruhannya tinggi.”

Tuhan membantu manusia, pertama-tama melalui Kitab Suci dan ajaran Gereja, kata Sri Paus Fransiskus.

“Kitab Suci dan ajaran Gereja membantu kita membaca apa yang menggerakkan hati kita, belajar mengenali suara Tuhan dan membezakannya dari suara lain yang tampaknya bersaing untuk mendapatkan perhatian kita,” katanya.

Umat Katolik, katanya, harus meluangkan waktu setiap hari membaca beberapa petikan Kitab Suci dan dengan tenang merenungkannya, membiarkan kata itu masuk ke dalam dan menyentuh hati.



Tuhan membantu manusia menghadapi pergumulan pertama-tama melalui Kitab Suci dan ajaran Gereja — Sri Paus Fransiskus.

“Sabda Tuhan bukan sekadar teks untuk dibaca. Sabda Tuhan adalah kehadiran yang hidup, karya Roh Kudus yang menghibur, mengajar, memberi terang, kekuatan, penyegaran dan semangat hidup,” katanya.

“Bantuan” lainnya, kata Sri Paus adalah berdoa kepada Roh Kudus, “agar hadir di dalam kita, mengajar kita, membuat Sabda Tuhan yang kita baca menjadi hidup, menyuarakan hal-hal baru yang bermakna, membuka pintu yang tertutup, menunjukkan jalan kehidupan yang tampaknya hanya ada kegelapan dan kebingungan.”

Roh Kudus, katanya, adalah “kehadiran Tuhan di dalam kita. Dia adalah anugerah terbesar, hadiah terbesar, Bapa akan mengabulkan mereka yang meminta.”

Sri Paus juga meminta doa terus menerus untuk rakyat Ukraine, terutama kanak-kanak, yang ramai di antaranya sudah tidak lagi tersenyum. — *media Vatikan*

MAKANAN UNTUK JIWA

Lima keajaiban ketika berdoa

Berdoa mungkin menjadi hal sukar dilakukan ketika kesibukan. Namun, tetap perlu berdoa kerana semua usaha dan rencana yang sedang dilakukan adalah pemberian Tuhan.

Sedarilah bahawa berdoa menjadi pekerjaan yang sangat penting dan tidak terpisahkan dari kehidupan rohani kita setiap hari.

Mari ketahui lima keajaiban yang akan terjadi ketika berdoa kepada Yesus Kristus.

1. Kita Menerima

Meskipun kita tidak selalu menerima apa yang kita inginkan, kita selalu mendapatkan “sesuatu”.

Menurut Yesus, “Mintalah dan itu akan diberikan kepadamu ...” (Matius 7: 7)

Sebenarnya, ketika Tuhan berkata “tidak” terhadap permintaan kita, kita menerima perlindungan dari sesuatu yang mungkin berpotensi melukai kita.

2. Kita Mengikuti Kehendak Tuhan dan mengakui iman kita

Dalam kitab suci, St. Paulus menulis bahawa kita harus “berdoa terus-menerus” (1 Tesalonika 5:17). Ketika kita berdoa, kita melakukan apa yang Tuhan kehendaki pada ketika itu.

Adalah perbuatan sia-sia untuk berdoa kepada-Nya jika kita tidak percaya bahawa Dia hadir di tengah-tengah kita atau bahawa dapat membantu kita.

Setiap kali kita berpaling kepada Tuhan dalam doa, katakanlah pada-Nya, “Tuhan, aku percaya padaMu”.

3. Kita Mengalami Hubungan Mendalam dengan Tuhan

Menurut Katekismus, “Doa adalah hubun-



gan yang hidup antara anak-anak Tuhan dengan Bapa mereka yang kebajikan-Nya tanpa batas, dengan Putera-Nya Yesus Kristus dan dengan Roh Kudus.” (KGK 2565)

4. Kita Meningkatkan Peluang akan Keselamatan Kita

Sederhananya, doa akan membantu kita mencapai syurga.

Alfonsus Liguori berkata ... “Mereka yang berdoa tentu saja diselamatkan; mereka yang tidak berdoa tentu saja terkuat” (St. Alfonsus Liguori)

5. Kita Memperoleh Apa yang Tuhan Kehendaki untuk Diberikan kepada kita

Meskipun Tuhan selalu menganugerahkan rahmat-Nya kepada kita tetapi jika kita tidak meminta (anugerah yang menggerakkan kita untuk menjadi lebih dekat dengan-Nya, misalnya), ada rahmat lainnya yang akan dicurahkan kepada kita jika kita memintanya.

Yesus membuktikan hal ini dengan kata-

kata Doa Bapa Kami (yang berisi beberapa permohonan) dan dengan ajaran-Nya bahawa Bapa akan “memberikan hal-hal baik kepada orang-orang yang meminta kepada-Nya.” (Matius 7:11)

Sesungguhnya, ada banyak lagi khasiat dan mukjizat ketika kita berdoa.

Lebih baik berdoa daripada risau atau cemas terhadap hal-hal yang belum pasti. Kajian menunjukkan, otak tidak dapat memikirkan dua hal secara bersamaan, waktu yang terfokus pada doa berarti waktu yang tidak dihabiskan untuk mengkhawatirkan atau mengejar tugas-tugas destruktif lainnya.

Yesus mengatakan kepada kita untuk “meminta dan kita akan menerima” (Matius 7: 7) dan kekhuatiran itu tidak ada gunanya (Lukas 12:25).

Akhirnya sangat jelas bahawa semua manfaat doa di atas hanya akan berlaku jika kita melakukannya. Ingatlah Iman akan mendorong kita untuk mulai berdoa dengan tulus. — *Aletia*

PENULIS BERKICAU

Jiwa kental diperlukan untuk tahun 2023

Bukan untuk menakut-nakutkan dan melemahkan semangat untuk dua minggu pertama tahun baharu 2023. Namun ini adalah ajakan bagi kita untuk berbuat sesuatu dan berdoa bersungguh-sungguh terhadap tiga musibah ini: peperangan, penganiayaan agama dan krisis ekonomi.

Perang

Belum ada tanda damai untuk Myanmar dan Ukraine -Rusia. Selain itu, kita juga harus berwaspada dengan konflik di negara-negara lain misalnya Yaman, Haiti, Cameroon, Israel-Palestin.

Semua peperangan ini telah mendatangkan pelbagai kesengsaraan khususnya pada kaum wanita dan kanak-kanak.

Penganiayaan

Penganiayaan terhadap penganut agama minoriti misalnya di Pakistan dan beberapa negeri di India, menyebabkan perayaan Krismas 2022 begitu suram.

Di China, meskipun wujud kesepakatan Vatikan-China bahawa Takhta Suci mempunyai hak dalam melantik para Uskup, namun masih ada usaha pemerintah yang melantik uskupnya sendiri.

Di negara kita, pernah tercetus pelbagai larangan tidak masuk akal misalnya tidak boleh mengucapkan “Selamat Hari Krismas” oleh penganut Islam kepada penganut Kristian.

Mujurlah, ada tokoh-tokoh agama dan Mufti Wilayah yang mengatakan ucapan itu tidak salah kerana ia adalah simbol perpaduan.

Krisis ekonomi

Krisis ekonomi menyebabkan negara seperti Sri Lanka hampir melegalkan penanaman ganja bagi membantu ekonomi negara itu.

Perkara ini telah ditentang oleh para pemimpin agama kerana ia boleh mendatangkan kemudaratkan kesihatan dan budaya.

Memandangkan bank pusat di seluruh dunia secara serentak menaikkan kadar faedah sebagai tindak balas kepada inflasi, dunia mungkin menuju ke arah kemelesetan global pada 2023 dan rentetan krisis kewangan dalam pasaran baru muncul dan ekonomi membangun yang akan mendatangkan kemudaratkan yang berpanjangan kepada mereka, menurut kajian baharu yang komprehensi oleh Bank Dunia.

Selain tiga krisis ini, kita juga menghadapi pelbagai isu lain misalnya krisis iklim, kesihatan, migrasi dan banyak lagi.

Sri Paus Fransiskus mengingatkan sebagai umat beriman, kita tidak perlu takut akan rintangan, pergumulan dan pilihan hidup kerana Tuhan selalu dekat, menawarkan kasih dan bimbingan-Nya.

Tetapi ini bukan bermakna kita hanya berandal pada Tuhan dan tidak melakukan apa-apa.

Antara lain solusinya ialah dialog kehidupan, gaya hidup berhemat dan sokonglah aktiviti-aktiviti Gereja/Paroki/Keuskupan yang dapat membantu meringankan beban sesama.

KENYATAAN MISI HERALD

HERALD adalah Minggu Katolik Gereja Malaysia. Ia berusaha untuk menyampaikan berita-berita terkini, nilai-nilai Kristian dan berusaha untuk berdialog dengan semua sektor masyarakat untuk membina komuniti beriman kepada Tuhan yang harmoni. Kami menyokong pembentukan Gereja dan menggalakkan umat awam dan religius untuk membuat keputusan moral di arena luar Gereja.

Migran dan perantau di Keuskupan Sandakan kini ada tempat 'berpayung'

SANDAKAN: Kini para migran dan perantau di Keuskupan Sandakan mempunyai saluran dan rujukan secara langsung di peringkat keuskupan kerana Komisi Pelayanan Pastoral bagi Migran dan Perantau Keuskupan Sandakan (KPMK) akhirnya telah menetapkan barisan ahli jawatankuasa pertamanya pada malam Rabu, Disember 14, 2022 melalui mesyuarat secara maya.

Sdra. Kletus Muyuk, sebagai Pengerusi KPMK lantikan Uskup Julius Dusin Gitom selaku Uskup Sandakan telah mempengerusikan mesyuarat tersebut, dibantu oleh Sdri. Shirley Joseph sebagai Setiausaha KPMK yang juga lantikan Uskup.

Turut hadir ialah Pembimbing Rohani KPMK, Fr. Phillip Muji dan para perwakilan rasmi dari paroki masing-masing kecuali Mission Paitan yang tidak dapat hadir atas sebab yang tidak dapat dielakkan.

Mesyuarat dimulakan dengan doa pembukaan oleh Fr Philip.

Semasa sesi ucapan alu-aluan, Sdra. Kletus mengalu-alukan kedatangan semua yang hadir dan penyertaan dalam tim ini. Kemudian, Fr Phillip menyeru kerjasama setiap ahli KPMK.

"Saya dapat melihat dengan jelas



Gambar menunjukkan sebuah perayaan Gereja di Keuskupan Sandakan yang melibatkan komuniti migran dan perantau bersama komuniti tempatan.

semasa Pandemik Covid-19, bencana alam dan sebagainya, kamu telah menunjukkan hal tersebut. Meskipun pelayanan migran telah diasingkan daripada Caritas, kita masih boleh memohon dan menerima dana daripada mereka pada bila-bila masa diperlukan melalui permohonan dari paroki kita masing-masing. Inilah tugas kita. Melihat keperluan dan membantu para migran dan perantau. Kita akan menjalankan program-program dan bermesyuarat untuk berkongsi input, membincangkan pandangan dan cadangan untuk mencari jalan penyelesaian akan isu-isu berkaitan," kata Fr. Phillip.

Kebanyakan perwakilan yang hadir adalah masih baru dalam pelayanan ini. Oleh itu, Sdra Kletus mengadakan sesi penerangan ringkas tentang sejarah penubuhan KPMK di Keuskupan Sandakan yang telah bermula sejak 12 tahun lalu oleh Sdra Kletus.

KPMK pada mulanya bermula dengan Komite Pembangunan Insan Keuskupan dan melalui Komite Pembangunan Insan Paroki (KPIP), ia diharapkan dapat menyediakan struktur dan platform bagi gereja lokal untuk melihat lebih jauh ke dalam pelayanan pastoral bagi para migran dan perantau.

Kemudian, pada tahun 2020,

Caritas Malaysia telah ditubuhkan dan Keuskupan Sandakan di mana ia mengambil keputusan menggantikan KPIP dengan Caritas Diosis Sandakan pada tahun yang sama.

Setelah itu, Bapa Uskup membuat keputusan untuk memisahkan pelayanan migran daripada Caritas selepas perbincangan bersama di mesyuarat Tim Penggerak Pelayanan Migran Sabah pada April 18-19, 2022.

Bapa Uskup telah memutuskan bahawa sudah tiba masanya sebuah komisi khusus untuk pelayanan pastoral terhadap migran dan perantau diwujudkan di Keuskupan Sandakan. Maka, pemisahan ini telah diu-

mumkan secara rasmi oleh Fr Phillip semasa Mesyuarat Caritas Diosis Sandakan pada April 21, 2022.

Dalam sesinya, Sdri Shirley menyampaikan secara ringkas mengenai 'Draf Buku Panduan KPMK' yang telah dikongsikan kepada semua perwakilan pada hari sebelumnya.

Sdri. Shirley mencadangkan agar satu sesi belajar berkenaan buku panduan itu pada masa hadapan.

Draf tersebut akan diteliti lagi oleh Bapa Uskup dan para paderi semasa mesyuarat mereka dalam bulan Januari 2023 sebelum diperhalusi oleh KPMK dan ditandatangani sebagai kelulusan oleh Uskup Julius.

Mesyuarat ini juga telah membincangkan Takwim KPMK Tahun 2023 serta semua perwakilan diingatkan mendaftar segera untuk Konferensi AMOS kali kelima yang akan diadakan pada Februari 2-4, 2023 di Keuskupan Keningau.

Sebelum mesyuarat ditangguhkan, Fr Phillip diberi ruang untuk menyampaikan ucapan kerana beliau akan kembali ke Keuskupan Keningau pada Februari 1, 2023 setelah sepuluh tahun melayani di Keuskupan Sandakan.

Beliau mengumumkan penggantian sebagai Pembimbing Rohani KPMK iaitu Fr Simon Kontou, bermula Januari 1, 2023.

Kunjungan pelajar Universiti Islam ke Good Shepherd

SETAPAK, Kuala Lumpur: Anggotanya Pelayanan untuk Ekuumenikal dan Hal Ehwal Antara Agama (PMEIA) Gereja Good Shepherd telah mengadakan sesi pertemuan dengan pelajar Islam dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia pada Disember, 18 2022.

Seramai tiga orang pelajar iaitu Ainur Afiqah, Badrina Nurawatif dan Nurul Afifah telah menghadiri sesi pertemuan tersebut.

Topik-topik perbincangan ialah: Mengapa Paderi Roman Katolik tidak boleh berkahwin?

Lambang Gereja, doa-doa Katolik, jenis-jenis perayaan dalam Gereja Katolik, mengapa Krismas disambut setiap Disember 25, maksud dan cara puasa bagi penganut Katolik.

Mereka juga dibawa melawat ke premis gereja serta diberi penerangan singkat peranan dan fungsi Gereja kepada masyarakat sekeliling.

Sesi pertemuan tersebut diakhiri dengan sesi bergambar bersama AJK PMEIA dan Paderi Paroki, Fr Mitchel Joseph.



Sesi pertemuan PMEIA dan tiga orang mahasiswa dari Universiti Islam Antarabangsa pada Dis 18, 2022.

Pelayan komuni bukan mengenai status



LIMBAHAU, Sabah: "Tugas sebagai pelayan Komuni bukanlah status atau pangkat tetapi anda dilantik melalui kuasa Gereja bagi membantu paderi membahagikan komuni kepada umat", kata Msgr Nicholas Stephen, paderi Paroki Holy Rosary Limbahau (HRL) semasa upacara pembaharuan komitmen dan pelantikan tiga orang Pelayan Komuni baru untuk tempoh setahun, pada Disem-

ber 18, 2022.

Terlebih dahulu, para Katekis dan Pelayan Komuni telah menghadiri rekoleksi bersama Msgr Nicholas pada Disember 3.

Dalam homilinya, Msgr Nicholas mengajak umat agar meneladani sikap Maria dan Sto Yosef yang patuh kepada Tuhan.

Kepatuhan Maria dan Yosef bersumber kepada kekaguman serta rasa cinta terhadap Tuhan.

Paderi itu mengajak umat agar mempergunakan masa minggu terakhir Adven itu untuk berefleksi tentang sikap kita terhadap Tuhan: Apakah selama ini kita buta melihat kehadiran Tuhan dan tuli untuk mendengar firman-Nya?

Sama-sama kita mengingati bahawa kita semua adalah milik Krisus (Rom 1:6), katanya pada akhir homili.